

... Menteri,
... lagi, beliau
... pelantikan beliau
... begitu singkat
... a sekali tempoh
... arkan kredibiliti beliau
... mengaku bahawa,
... ng membanggakan
... akyat terhadap apa

... ewangan dan Menteri
... sa dipikul dalam satu
... ina bukan sikap
... gungjawab
... dan sokongan
... i. Pemergian
... u untuk

... e Minister
... ointment
... e appeared
... here.
... choice as
... in his own
... could be
... ership.
... portfolios

TETAP DIKENANG: Hishammuddin menunjukkan sesuatu kepada Abdullah ketika melihat pameran gambar kenangan Allahyarham Tun Hussein selepas merasmikan Memorial Tun Hussein Onn, di ibu negara, semalam, sambil disaksikan Najib dan Rais.

Pendirian kita jelas: PM

Syed Hamid kendali perbincangan bina jambatan baru

BH-11/2/2006

Oleh Rasid Rahaman

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia sudah menyatakan pendirian secara jelas untuk meneruskan pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor walaupun Singapura mengenakan pelbagai syarat.

Perdana Menteri berkata, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ditugaskan untuk terus mengadakan perbincangan dengan Singapura bagi memastikan pembinaan jambatan itu direalisasikan.

"Ini (dua syarat dikenakan Singapura) saya serahkan kepada Datuk Seri Syed Hamid supaya terus mengadakan perbincangan dengan Singapura.

"Saya sudah jelaskan daripada dulu pendirian Malaysia... tak payah ulang lagi. Niat kita berhubung perkara ini (projek) jelas.

"Kita hendakkan jambatan. Herot ke, bengkok ke, betul ke, lurus ke...

sebab yang jelas kita nak kawasan itu (Selat Tebrau) menjadi kawasan indah, bersih dan tidak berbau, yang airnya tidak tersekat supaya pantai selatan negeri Johor itu yang indah dan boleh diperindahkan lagi.

"Saya mahu melihat banyak kapal lalu lalang... banyak kebaikan diperoleh dan sebab itu kita hendak membina jambatan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Memorial Tun Hussein Onn di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pendirian Singapura yang sedia bekerjasama dengan Malaysia untuk merealisasikan pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor, tetapi dengan dua syarat iaitu jual pasir kepadanya dan membuka ruang udara Johor untuk latihan jet pejuangnya.

Ditanya mengenai kejadian jambatan retak, beliau berkata, arahan sudah dikeluarkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya membuat pemeriksaan lebih kerap kepada ja-

lan bertingkat atau jambatan di seluruh negara bagi mengesan sebarang keretakan atau kerosakan lebih awal.

"Saya hendak JKR terus membuat pemeriksaan lebih kerap terhadap jalan bertingkat atau jambatan supaya jika didapati jika berlaku keretakan atau kerosakan, ia boleh dibaiki dengan segera.

"Jadi pemeriksaan yang kerap ini amat penting. Jalan bertingkat di tempat lain juga mesti selalu diperiksa dan tidak semestinya di Kuala Lumpur saja," katanya.

Beliau mengakui masalah penyelenggaraan pelbagai projek infrastruktur di negara ini terlalu lemah dan kurang dilaksanakan.

Ditanya amalan menteri meletak jawatan jika berasa bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku di kementeriannya seperti di Barat, beliau berkata: "Itu pilihan menteri mereka sama ada hendak meletak jawatan atau sebaliknya.

"Kita tidak boleh mengharapkan

berasa begitu atau begini, lain orang lain tindakan yang dilakukan terhadap sesuatu yang dialami."

Berhubung tindakan The Sarawak Press Sdn Bhd, penerbit Sarawak Tribune menutup terus operasi akhbar itu serentak dengan penggantungan permitnya, berkuat kuasa serta merta kerana menyiarkan karikatur menghina Nabi Muhammad SAW, beliau berkata, tindakan yang diambil itu menunjukkan lembaga pengarah akhbar berkenaan berasa teramat kesal dengan apa yang berlaku.

"Mereka (lembaga pengarah) mungkin rasa bersalah dan mereka menyatakan perasaan mereka itu kepada rakyat menerusi kenyataan mereka kepada akhbar.

"Mereka juga menyatakan sama ada ada arahan atau tidak, mereka menutup penerbitan akhbar berkenaan. Kita mengucapkan terima kasih di atas tindakan yang diambil itu dan saya rasa puas hati dengan kenyataan yang diberikan," katanya.